

Islam dan Marxisme daripada Perspektif Ali Shariati

Islam and Marxism from Ali Shariati's Perspective

Ahmad Nabil Amir^{*1} & Tasnim Abdul Rahman²

¹Former Associate Research Fellow, International Institute of Islamic Thought and Civilization, Bukit Tunku 50480 Kuala Lumpur, Malaysia

²Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, Kuala Nerus 21300, Terengganu, Malaysia

*Corresponding author: nabiller2002@gmail.com

Received: 23 January 2025; **Accepted:** 25 April 2025; **Published:** 07 May 2025

To cite this article (APA): Amir, A. N., & Abdul Rahman, T. . (2025). Islam dan Marxisme daripada Perspektif Ali Shariati. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 3(1), 30-43. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol3.1.3.2025>

Abstrak

Artikel ini membincangkan pemikiran Ali Shariati dan latar belakang intelektualnya sebagai aktivis dan pencetus kepada kebangkitan serta kesedaran revolusioner masyarakat di Iran. Beliau telah menggerakkan revolusi Islam dan idea perubahan sosio-politik pada tahun 1979. Kajian ini memfokuskan karya Ali Shariati tentang pemikiran Marxisme serta kritikannya terhadap aliran falsafah tersebut berdasarkan kefahaman dan landasan spiritual Islam. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan literatur dengan pendekatan konseptual dan historiografi dalam menginterpretasi teks. Hasil kajian mendapatkan kekuatan Ali Shariati dengan dialektika yang dirumuskan dalam mengungkapkan faham humanisme, mistisisme Islam serta pandangan metaphizik, untuk menolak pandangan ateisme, komunis, materialis dan Marxisme yang sesat. Ia menjelaskan idealisme politik Ali Shariati yang menekankan kekuatan moral serta keagamaan Islam dalam menegakkan nilai persamaan dan prinsip kemanusiaan yang universal. Berbanding kelemahan teori Marxis yang dangkal nilai dan hilang dalam sistem moral dan praktis.

Kata kunci: Ali Shariati, Marxisme, Kritikan Barat, Ideologi Islam

Abstract

The paper discusses the ideas of Ali Shariati and his intellectual background as the leading exponent and catalyst of the revolutionary Iranian revolution in 1979 and the shaping of its socio-political landscape. It focuses on his works and critique of the underlying philosophy of Marxism and his critic of its ideology based on Islamic spiritual and metaphysical worldview. The study is qualitative in nature based on literature review, using conceptual and historical approaches in interpreting and analysing the text. The finding shows that Ali Shariati had formulated a coherence discussion of the Islamic spiritual and mystical construct and its metaphysical bases that contrasted with the misleading ideology of atheism, communism, materialism and Marxism. It explained his rigorous argument and dialectical artistry in

illuminating the moral and socio-religious ideal of Islam and its universal humanistic framework and liberating theology which contrasted with the anti-religious and soulless ideology and fallacies of Marxism and its fundamental bankruptcy in moral and practical term.

Keywords: Ali Shariati, Marxism, Western critique, Islamic Ideology

Pendahuluan

Artikel ini membincangkan latar belakang dan pengaruh pemikiran Ali Shariati (1933-1977) dalam dunia moden khususnya kritikannya terhadap falsafah Marxisme dan aliran sekular Barat. Ia menyorot perbincangan antara dua idea yang berbeza tentang falsafah dan tradisi diskursifnya dan prinsip serta aspirasi politiknya yang dinamik. Bahkan telah mencetuskan gelombang kebangkitan dan kesedaran nasional yang menyeluruh. Kebanyakan idea Ali Shariati disampaikan di Husayniyah-i Irsyad iaitu pusat pembelajaran agama yang berpengkalan di Tehran. Ketika itu, beliau berdiskusi dan mengembangkan teori tentang latar sosio budaya dan sejarah Islam, dan mengadakan pertemuan diskusi serta ceramah dengan khalayak masyarakat. Dalam syarahannya, beliau melontarkan gagasan *organic intellectuals* atau *raushanfikr* yang telah menarik hampir puluhan ribu orang dan mengilhamkan revolusi pemikiran serta intelektual yang meluas. Kesedaran ini digerakkan dalam kalangan ribuan pendokong dan pengikutnya, telah melakar pengaruh yang meluas dalam perjuangan politik, agama, sosial dan ekonomi di Iran.

Beliau merupakan salah seorang pemikir dalam revolusi Iran dan dikenali sebagai arkitek atau penggerak penting bagi perjuangan kumpulan marhaen, golongan pekerja (proletar) dan intelektual yang berpengaruh dalam sejarah pemikiran moden. Pemikiran Ali Shariati banyak dipengaruhi dengan keadaan politik yang menekan dan represif serta penindasan rakyat bawahan oleh pemerintah yang zalim dan autokratik. Politik kekerasan yang digunakan pemerintah telah meledakkan gelombang kebangkitan dan protes massa sehingga mencetuskan revolusi Iran pada tahun 1979. Melalui perjuangan dan penentangan revolucioner yang digerakkannya, beliau dianggap sebagai bapa revolusi Iran (Ahmad Nabil Amir, 2017).

Selain itu, pemikiran Ali Shariati memberikan suatu alternatif dari falsafah dan pandangan dunia yang membawa idealisme budaya, masyarakat, moral, sosiologi agama, sejarah dan etika yang lebih menjernihkan liku-liku perkembangan falsafah Barat (Hidayat Nataatmadja, 1985). Walaupun demikian, ia turut mempunyai latar sejarah yang berkaitan dengan praktis sosio-budaya dan ideologi Timur. Persoalan mengenai intelektual dan pemikiran yang digagaskan beliau mengetengahkan falsafah dan idea sosial yang mampan dalam perkembangan moden yang mencetuskan era baru dalam pemikiran Islam dan sejarah moden.

Cita-cita sosial yang digagaskan oleh Ali Shariati telah menimbulkan kesedaran yang dinamik dalam arus modernisme di Iran. Perjuangan beliau telah membawa asas yang kukuh tentang gerakan dan aspirasi Islam daripada perspektif sejarah, sosiologi dan kemanusiaan (Muhammad Adress, 2023). Hal ini menzahirkan konteks perjuangan beliau dalam mempelopori kebangkitan dunia ketiga dan pembebasan daripada cengkaman kolonial Barat. Ali Shariati telah mencetuskan faham yang integral dengan mengambil kira antara akal dan sains, fiqh dan nas serta mengungkapkan manhaj dan nilai pemikiran mahupun ijihad.

Menurut Fazlur Rahman (2010), Ali Shariati adalah pemikir moden yang membangkitkan semangat rakyat untuk menentang penguasaan asing ke atas negerinya. Ia

berusaha menegakkan Islam dengan kaedah baru yang sesuai berasaskan pendekatan sosiologi historis dalam memahami al-Qur'an. Manakala Mangol Bayat (1992) merumuskan bahawa hasil perjuangan Shariati yang paling bertahan dengan mengungkapkan konsep Islam yang baru, dinamik dan inspiratif. Dari konsep yang statik menjadi ideologi politik revolusioner yang berkesan (Saifullah, 2002: 70). Oleh itu, artikel ini akan menerokai pemikiran Ali Shariati tentang konflik idea khususnya pertembungan di antara Islam dan Marxisme serta implikasinya dalam perkembangan sejarah dan transformasi sosial. Ia termasuk kesan dari falsafah dan ideologi pemikiran yang dicetuskannya dengan idea pembaharuan dan revolusi politik.

Metodologi Kajian

Kajian ini bersifat kualitatif yang berasaskan kaedah penelitian literatur dengan pendekatan sejarah dan biografi. Peninjauan tekstual dibuat secara komprehensif terhadap sumber-sumber primer dan sekunder dari karya-karya Ali Shariati dan tulisan-tulisan lain yang berkait dengannya dan dianalisis secara deskriptif, analitik dan komparatif bagi merumuskan hasil kajian akhir.

Hasil Kajian dan Perbincangan

1. Latar Belakang Ali Shariati

Ali Shariati dilahirkan sekitar abad yang penting dalam menyaksikan kebangkitan gerakan dan kesedaran Islam di seluruh dunia. Beliau dibesarkan di Kahak, Mazinan, salah sebuah daerah pedalaman di Mashhad, Iran, di Timur laut Khurasan seterusnya menamatkan pengajian rendah dan menengahnya di pinggir kota Sabzevar, Mashhad yang terletak di tepi gurun Kavir (Hamid Algar, 2001). Beliau dilatih di *Kanun-e Nashr-e Haqayeq-e Islami* (Pusat Penyiaran Kebenaran Islami) yang didirikan oleh ayahnya pada tahun 1320 dengan mengajar ilmu logik dan sains, dan kemudiannya menterjemah teks-teks Arab ke Parsi (Mehbi Abedi, 1986). Ayah beliau bernama Muhammad Taqi Shariati, merupakan seorang ulama yang terkenal dan ahli tafsir yang telah berhijrah ke kota sejak berusia 20 tahun. Sepanjang mengikuti pengajian di Sekolah Latihan Perguruan, Ali Shariati berhubung dengan kelompok muda yang muncul dari kelas ekonomi bawahan (*mustad'afin*). Hubungan ini telah membawa kepada jaringan mendalam kesan kesusahan, kepayahan dan beban kehidupan golongan kelas ekonomi bawahan di Iran. Penglibatan ini mencetuskan iltizam politik dalam dirinya untuk membawa perubahan (*islah*) di Iran.

Ali Shariati merupakan seorang intelektual Iran di era rejim Reza Shah Pahlawi. Beliau telah mengembangkan perspektif baru tentang sejarah dan sosiologi Islam serta menyampaikan siri-siri syarahan yang berharga di Tehran dengan meletakkan dasar bagi revolusi Iran pada tahun 1979. Beliau mendapat pendidikan agama sejak awal dari ayahnya sebelum menjadi pensyarah. Kemudian, beliau menuntut di Universiti Mashhad dan berjaya memperoleh ijazah dalam pengajian bahasa Arab dan Perancis. Ali Shariati mula aktif dalam politik semasa menjadi pelajar dan ditahan selama lapan bulan ketika usianya 23 tahun kerana penglibatannya dengan kumpulan *Nehzat-e Moqayem-e Melli* (gerakan perlawanan nasional) Mosaddeq yang digulingkan disebabkan menentang rejim Pahlavi (Siti Syamsiyatul Ummah, 2020). Beliau mendapat ijazah doktor falsafah dalam bidang sosiologi dari Universiti Sorbonne-Paris. Di sana, beliau menyertai Himpunan Pelajar Iran iaitu salah satu cabang luar Barisan Kebangsaan Iran. Beliau pernah telibat dalam menggerakkan demonstrasi serta protes pelajar di pihak gerakan nasionalis dan revolusionari Algeria.

Dalam aspek penulisan, Ali Shariati pernah menjadi penyunting dua jurnal iaitu *Iran Azad*, surat khabar Barisan Kebangsaan di Eropah dan *Nameh-i Pars*, majalah bulanan Himpunan Pelajar Iran di Perancis. Beliau turut menterjemahkan karya Che Guevara iaitu *Guerilla Warfare* dan tulisan Jean-Paul Sartre yang bertajuk *What Is Poetry?* bahkan memulakan terjemahan buku Frantz Fanon iaitu *Wretched of the Earth* dan *Year Five of the Algerian Revolution* (Ervand Abrahamian, 1989: 107). Semasa perjalanan ke Perancis, beliau telah menemui beberapa tokoh seperti Frantz Fanon, Gures Gurevich, Henry Bergson, Albert Camus, Louis Massignon, Jean-Paul Sartre, ahli sosiologi Perancis dan cendekiawan Barat lain dalam siri dialog kontroversi (Azyumardi Azra 2002: 210).

Ali Shariati sangat dipengaruhi oleh pengalaman kehidupannya semasa berada di Paris. Ini dilihat sebaik sahaja kembali ke Iran, beliau telah dikenakan hukuman penjara selama enam bulan pada tahun 1964 disebabkan kritikan terhadap kerajaan Shah. Setelah dibebaskan beliau mengajar di Universiti Mashhad. Namun beberapa siri syarahannya mendapat sambutan dan dilihat mengancam pemerintah. Kemudian beliau berangkat ke Tehran, membantu Murtadha Mutahhari mengasaskan Institut *Husayniya-yi Irshad* (pusat pengajian agama) pada tahun 1969. Ali Shariati menulis dan memberikan kuliah tentang sejarah dan sosiologi Islam. Beliau mengkritik rejim system pemerintahan pada ketika itu dan pendokong fahaman Marxisme dan intelektual Iran, serta golongan ulama konservatif. Beliau dipenjarakan semula pada tahun 1972 selama 18 bulan dan kemudiannya menjadi tahanan di rumah.

Pada 20 Mei 1975, Ali Shariati dibebaskan kerana kerajaan Shah Pahlevi menerima bantahan dan tekanan antarabangsa. Namun pembebasan tersebut dikenakan syarat dengan beliau tidak boleh mengajar, menerbitkan penulisan, mengadakan pertemuan-pertemuan secara umum atau tertutup. Walau bagaimanapun syarat-syarat tersebut telah ditolak dan Ali Shariati memilih untuk berhijrah dan merantau ke England. Namun beliau tidak sempat pergi ke England kerana meninggal dunia secara mengejut. Kematian beliau dipercayai di dalangi oleh agen perisikan Savak pada 19 Jun 1977. Beliau dimakamkan di Damsyik, bersebelahan makam Hazrat Zaynab (rad), *rahimahullah*.

Pemikiran Ali Syariati dianggap telah meletakkan dasar bagi revolusi Iran yang berpengaruh besar kepada pemuda Iran. Syarahannya mengkritik pemerintah Syah dan dasar pembaratan serta modernisasi yang menurutnya akan merosakkan agama dan budaya Iran. Bahkan melepaskan masyarakat daripada ikatan tradisi sosial dan agama yang membawa pada keterasingan budaya (Norfarahani, 2023). Beliau menyeru masyarakat untuk kembali kepada Syiah yang revolucioner dan sejati kerana beliau mempercayai Islam Syi'ah itu sendiri adalah kekuatan bagi keadilan sosial dan kemajuan namun telah dirosakkan oleh ahli politik.

Latar belakang pemikiran intelektual beliau dikatakan telah membentuk landasan ideologi dan faham radikalisme bahkan telah melahirkan idea-idea yang mengesankan dalam pemikiran moden. Cetusan pemikirannya telah menarik perhatian ramai pemikir dan ahli falsafah Barat terhadap kecerdasannya termasuk Jean-Paul Sartre (1905-1980) yang merupakan ahli falsafah Perancis:

“Aku tidak punyai agama, tetapi jika diberi pilihan, ialah (memilih) menganut agama Shariati”.

Dalam pengenalan ringkas ke atas karya Ali Shariati bertajuk *On the Sociology of Religion*, Hamid Algar menulis tentang kemanusiaan dengan menyatakan:

“Kesedaran, sensitiviti, kejelasan pemikiran, kekentalan semangat dan kekuatan *dhamir* merupakan sifat kemanusiaan yang hebat dan beliau (Ali Shariati) temui dirinya berkongsi persamaan dengan ‘Ayn al-*Qudat*” (Hamid Algar, 1979).

Perjuangan Ali Shariati menzahirkan idealisme dan semangat perubahan yang mendasar, dalam menanggapi soal sosialisme, demokrasi dan sekular yang merangkumi kefahamann intrinsik dan rasional, seperti dirumuskan oleh Ahmad Wahib (1981) tentang idea pembaharuan yang digerakkan di Indonesia:

“Idea sosialisme dan demokrasi harus diterima sebagai tema pokok perjuangan umat Islam serta sebagai rumusan konkret dari ajaran al-Qur'an. Fikiran ini dikemukakannya sebagai realisasi sikap mental terbuka terhadap puncak-puncak pemikiran manusia tentang masalah-masalah sosial, dari mana pun datangnya faham atau idea itu sebagaimana orang Islam telah terbuka sikapnya terhadap karya orang-orang Barat di bidang masalah-masalah alam (*science* dan *technology*)” (Ahmad Wahib, 1981: 82).

Sebagai seorang ahli sosiologi Islam, Ali Shariati terkesan dengan nilai-nilai sosial dan faham mistik. Faham mistisisme bersama dengan kesetaraan dan kemerdekaan, adalah tiga asas kepada manusia ideal (Ali Shariati, 1992). Dimensi kerohanian dan pertembungan sosial ini telah terbentuk sejak menuntut di Unicersiti Mashhad. Ali Shariati telah menterjemahkan kitab *Kashf al-Ghita'* dan biografi Abu Dhar oleh Abd al-Hamid Jawdah al-Sahhar. Biografi tentang Abu Dhar menggambarkannya sebagai pahlawan sosialis. Seorang revolucioner yang menentang kemiskinan, kapitalisme, feudalisme, rasisme dan kediktatoran bahkan dianggap sebagai sumber inspirasi bagi semua gerakan revolusi sedunia, terutamanya di Timur Tengah (Dabashi, 2011). Kelantangan beliau dalam masalah politik telah mendorong untuk bergabung dengan kelompok pembangkang pro-Mosaddeq yang akhirnya menyebabkan beliau ditahan selama 8 bulan.

Ali Shariati berusaha merungkai permasalahan umat dari pandangan ideologi Islam yang holistik. Agama sebagai ideologi merupakan suatu keyakinan yang dipilih secara sedar untuk menjawab keperluan-keperluan yang timbul dan memecahkan masalah dalam masyarakat. Ideologi diperlukan untuk mengarahkan suatu masyarakat atau bangsa dalam mencapai cita-cita dan wahana perjuangan. Ideologi dipilih untuk mengubah dan merombak status quo secara fundamental. Idea yang dilontarkannya tidak difikirkan muktamad dan harus dilanjutkan serta dikritik, seperti yang dinyatakan dalam bukunya:

“Apa tidak percaya bahawa apa yang ku katakan sudah merupakan kebenaran final; apa yang kukemukakan sekarang mungkin saja esok akan ku ralat atau ku sempurnakan.” (Shariati, 2001).

Dalam bidang penulisan, Ali Shariati telah menghasilkan karya prolifik meliputi pelbagai tema dan subjek seperti sejarah, sosiologi agama, kritiknya atas ideologi Marxis, falsafah, tauhid, biografi, visi kenabian dan kesan spiritualnya, hubungan agama dan politik dan sebagainya. Visi sosial dan teologi pembebasan (*liberation theology*) yang dilontarkan Ali Shariati banyak diangkat dari idea dan pemikiran falsafah Barat. Pandangan ini dianjurkan dalam *magnum opus*-nya seperti *Man and Islam* (kompilasi 7 siri syarahan Ali Shariati), *Fatima is Fatima* (kompilasi syarahan Ali Shariati tentang peranan dan tanggungjawab wanita Islam menurut kehidupan Fatima al-Zahra r.a.), *School of Thought and Action, Hajj Reflections*

on its Rituals, Marxism and Other Western Fallacies: An Islamic Critique (yang mengkritik mazhab dan faham Marxisme dan perbandingannya dengan ideologi Islam sebagai falsafah pembebasan manusia) dan *Sociology of Islam* yang mempunyai kekangan sosial dan dalam sejarah kemanusiaan.

Tulisannya mempunyai kesan dan pengaruh dalam perkembangan idea dan pemikiran falsafah yang telah mencetuskan revolusi politik yang tidak pernah terjadi sebelumnya (Liky Faizal et al., 2021). Ideologi pembaharuan radikal yang digariskan beliau adalah untuk menentang regim autokratik Shah yang represif dan menyekat kebebasan rakyat dalam zaman kejahanan. Beliau mempertahankan kebebasan manusia dan kemuliaan insaniyah (*karamah insan*) yang mengatasi malaikat dan menekankan keunggulan sifat dua-dimensi (*two-dimensional*) pada sisi duniaawi dan ukhrawi yang mengilhamkan tindak sosial yang seimbang, seperti dikupas dalam bukunya *Man and Islam*:

“The fruits of the prophet’s training are Ali, Abuzar and Salman. These are among the very few two-dimensional human beings of the world. These were men of politics and war, who struggled for a better existence. They spent a lifetime in the battlefields, military training, scientific enquiry and discussion. They were also virtuous on par with the monks and theosophists of the East. Today, with the information available on his meditation on God, Abuzar is the best guide to knowing the Qur’ān. A look at the prophet’s companions indicates that all were just, sensitive warriors, and constructive individuals who were concerned with building a better society and establishing justice.”

Keterangan ini diperkuuh dalam karyanya yang lain iaitu *On the Sociology of Islam*:

“He is a man whom philosophical thought does not make inattentive to the fate of mankind, and whose involvement in politics does not lead to demagoguery and fame-seeking. Science has not deprived him of the taste of faith, and faith has not paralyzed his power of thought and logical deduction”.

Dalam catatan tentang falsafah dan teologi ketuhanan, Ali Shariati telah merumuskan prinsip asas tentang tauhid yang digarap dalam karyanya *The Hajj* di mana:

“Tawhid as a world view . . . means regarding the whole universe as a unity, instead of dividing it into this world and the here-after . . . spirit and body.” - (Tawhid sebagai pandangan sarwa...bermaksud menanggapi seluruh sarwajagat sebagai kesatuan, ketimbang dari memisahkannya kepada dunia ini dan dunia akhir...jiwa dan tubuh) (Shariati, 2000)

Kesedaran tauhid yang sebenar membawa implikasi dan pengaruh yang memberikan kesan dalam membentuk pandangan hidup yang seimbang dengan menghubungkan nilai duniaawi dan ukhrawi, roh dan jasad dalam kesatuan yang utuh. Prinsip tauhid meliputi makna kesatuan yang mendasar dan sebagai penyatuhan semangat persaudaraan Islam yang melahirkan rasa tanggungjawab sosial yang mendalam serta kesedaran yang autentik terhadap kebenaran tertinggi:

“...dan sejauh yang saya tahu, dari sisi pandangan yang praktikal dan konseptual, rukun yang paling penting daripada doktrin Islam yang telah membangkitkan kesedaran umat dan membuatkan penganutnya merasa sedar, merdeka, terhormat dan dapat memikul tanggungjawab sosial adalah: tawhid, jihad, dan haji.” (Shariati, 2000)

The Hajj adalah karya beliau sangat luar biasa kerana membawakan hujah-hujah *syar'iyyah* tentang haji dan merumuskan idealisme hukum dan matlamat syariah (*maqasid al-shari'ah*) yang mendasari serta mengetengahkan kefahaman yang tuntas tentang *fiqh*, tidak hanya dari sudut penyempurnaan rukun dan syaratnya untuk mendapat haji mabruk *wa sa'y masykur*. Tetapi kesan yang dilahirkan dari ibadah haji serta esensinya yang mendalam dan dampaknya yang signifikan terhadap umat. Dalam memperkenalkan karya ini, Ali Shariati menyebut:

“Apa yang telah saya secara peribadi belajar daripada haji – yang menjadikan saya menjadi begitu kerdil dan haji menjadi begitu besar dalam pengertiannya? Sejauh mana dan apa yang dapat saya tanggapi daripada pengalaman ini? Halaman-halaman berikutnya adalah hasil daripada usaha kecil saya untuk menjawab persoalan ini. Tujuan saya bukanlah untuk memaklumkan kepada pembaca apa yang harus dilakukan ketika mengerjakan haji. Ini boleh diperolehi dengan merujuk kepada kitab-kitab fiqh dan ibadah. Sebaliknya, saya ingin berkongsi dengan anda persepsi saya tentang kepentingan haji. Ia harus membantu anda memahami mengapa ia diwajibkan ke atas orang Islam untuk melaksanakan tugas ini, atau paling kurang membangkitkan semangat anda untuk memikirkan tentang haji.”

Ia menyingkap semula rahsia haji seperti yang dinyatakan oleh al-Ghazali dalam *Ihya 'Ulumuddin* dan Malcolm X dalam catatan autobiografinya tentang keindahan Islam ketika berwukuf di Mina. *The Hajj* merakamkan pengalaman spiritual Ali Shariati di Tanah Suci yang mengangkat tema-tema penting berkaitan falsafah, simbolisme *miqat*, aspek alegorikal (figuratif) tentang Kaabah, tawaf, niat, musafir, *bai'ah*, *hajar al-aswad*, *maqam Ibrahim*, *sa'i*, padang Arafah, *ayyam al-tasyriq*, Mina, korban, tiga berhala, syaitan, eid al-adha, karamah insan dan khalifah Tuhan yang diungkapkannya sebagai *the ideal man* (manusia ideal). Hal ini bermaksud idealisme dan falsafah dari ziarah haji dalam menjelaskan kemuliaan bulan-bulan haram, Zulhijjah dan Zulkaedah. Ini juga menyingkap semangat yang mendasari intipati, fadilat, *maqasid* dan menekankan keperluan memperkuuh kesatuan dan menggarap kekuatan ummat dalam meraikan kepelbagaiannya idea dan mazhab.

Tema asas yang diangkat Ali Shariati adalah tentang kesatuan ummah, seperti yang diungkapkan dalam perenggan awal mukaddimah kitab:

“Setiap tahun, umat Islam dari seluruh dunia digalakkan untuk menyertai ‘pertunjukan’ besar ini (*Hajj*). Setiap orang dianggap setara. Tidak ada diskriminasi yang dicanang berdasarkan bangsa, jantina, atau status sosialnya. Mengikut ajaran Islam, semua adalah satu dan satu adalah semua. Seseorang yang menyelamatkan nyawa seseorang, telah menyelamatkan kehidupan semua dan seseorang yang membunuh jiwa seseorang, telah membunuh semua.”

Pengalaman spiritual yang dirakamkan oleh Ali Shariati ini telah membuka pandangan baru tentang konsep ibadat dan syariat serta mencetuskan perubahan yang radikal dalam falsafah hukum. Menurutnya:

“...dan sejauh yang saya tahu, dari pandangan yang praktikal dan konseptual, pilar yang paling penting dari doktrin Islam yang telah membangkitkan kesedaran umat dan membuatkan penganutnya merasa sedar, merdeka, terhormat dan dapat memikul tanggungjawab sosial adalah: tawhid, jihad, dan haji.”

Kepentingan intelek, menjadi tema signifikan yang diperjuangkan oleh Ali Shariati dengan mengungkapkan konsep intelektual organik (*rausyanfikr*) (Norfarahani, 2020). Hal ini terkait peranan kaum intelektual yang terdedah sebagai agen pelopor dalam tingkat kesedaran dan kepimpinan politik. Gagasan ini merujuk kepada kelompok intelektual dan terpelajar dalam berbagai bidang keilmuan (*mutafannin*) yang mengerahkan daya dan kemampuan *akliah* mereka untuk memikirkan masalah masyarakat dan mencadangkan penyelesaian serta sanggup terjun ke tengah gelanggang bagi mendalami dan memecahkan kebuntuan umum.

Kesedaran revolucioner ini tidak mungkin digerakkan oleh massa kerana orang ramai hanya terperangkap dengan rutin harian. Justeru harus ada intelektual organik yang dapat menggembungkan kekuatan bagi merealisasikan perubahan dan aspirasi sosial seperti kata beliau:

“In principle, the responsibility and the rule of contemporary enlightened souls of the world resembles that of the prophets and the founders of the great religions – revolutionary leaders who promoted fundamental structural changes in the past. Prophets are not in the same category as philosophers, scientists, technicians or artists. The prophets often emerged from among the masses and were able to communicate with the masses to introduce new mottoes, project new vision, start new movements and beget new energies in the conscience of the people of their time and place” (Shariati, 1986).

Ia mengungkapkan kepentingan dalam membawa idealisme dan suara-suara bawahan yang ditekan, menentang tirani dan ketidakadilan dan menggerakkan perubahan yang signifikan tertulis dalam bukunya *What is to be Done* (1986) tentang ‘jiwa yang tercerahkan’ (*raushanfikr*). Dari mana Kita Akan Mulai?, Ali Shariati menulis:

“Apa itu jiwa yang tercerahkan? Singkatnya, jiwa yang tercerahkan adalah seseorang yang sadar diri akan “kondisi manusia” pada zamannya, latar belakang sejarah dan sosialnya, dan kesadarannya tak terelakkan dan memberinya rasa tanggung jawab sosial.”

Tulisannya turut menyorot visi perjuangan tokoh modernis dan pujangga Islam, iaitu Muhammad Iqbal yang mengilhamkan perjuangan menentang penjajahan dan penindasan kolonial serta tirani bahkan memimpin harakat pembebasan dan pencerahan di dunia Islam:

“If one were to reconstruct the form of Islam which has been made to degenerate in the course of history, re-assemble it in such a way that the spirit could return to a total body, transform the present dazed elements into that spirit as if the trumpet of Israfil were to blow in the 20th century over a dead society and awaken its movement, power, spirit and meaning, it is, then that exemplary Muslim personalities will be reconstructed and reborn like Muhammad Iqbal”

(Jika seseorang harus membangunkan semula bentuk Islam yang telah merosot dalam perjalanan sejarah, menghimpunkannya-semula dalam cara di mana ruh dapat kembali kepada tubuh yang terpadu, mentransformasi unsur-unsur yang membingungkan kini ke dalam ruh itu seakan mana sangkakala Israfil harus meniup pada kurun ke 20 ke atas masyarakat yang mati dan membangkitkan gerakan, kekuatan, ruh dan maknanya, ia adalah, lalu, peribadi Muslim yang patut dicontoh itu yang akan dibangunkan dan dilahirkan semula seperti Muhammad Iqbal) (Shariati, 1991).

Jiwa pembaharuan dan kesedaran tauhid dan semangat yang dihidupkan Muhammad Iqbal telah mencetuskan inspirasi kepada perjuangan Ali Shariati (Malik Mohammad Tariq, 2013). Dalam buku “*Iqbal: Manifestation of the Islamic Spirit*” Ali Shariati merumuskan buah fikiran dan karya Muhammad Iqbal tentang rekonstruksi-diri, pandangan tentang dunia Timur dan Barat, ideologi dan pandangan alam. Ia mengupas dengan mendalam idea dan tema-tema besar pemikiran tentang kehidupan dunia ini, takdir, kemanusiaan dan Tuhan. Secara asasnya, buku ini membawa perspektif yang berbeza tentang Muhammad Iqbal yang ditulis oleh Sayyid Ali Khamenei bertajuk *Iqbal: Penyair-Filasuf Kebangkitan Islam* dan Ali Shariati bertajuk *Iqbal: Manifestasi Semangat Islam* dan pengaruh dari kehidupan dan karya-karyanya terhadap dunia Islam pada abad ke-20. Ali Shariati memperlihatkan bagaimana Muhammad Iqbal melalui idea falsafah, puisi-puisi mistik dan aktivisme politik telah membawa rekonstruksi pemikiran bagi kebangkitan dan pembaharuan Islam malah memberikan kefahaman tentang bagaimana memenuhi kehidupan agama kita dalam konteks moden.

Fikrah agaman ditampilkan dalam buku beliau bertajuk *Religion vs Religion (Agama vs Agama)* yang memuatkan dua syaranan yang disampaikan di Husayniyah Center, Tehran pada 12 dan 13 Ogos 1970. Agama yang memiliki dua wajah, ‘agama revolusi’ dan ‘agama legitimasi’. Pertama, adalah agama yang bekerja untuk mengatasi perbezaan dalam kelas dan status ekonomi, sedangkan yang kedua adalah agama yang melegitimasi. Ia mengemukakan tesis yang paling luar biasa, bahawa sepanjang sejarah, agama telah berperang terhadap agama dan bukan kononnya terhadap bukan agama. Monoteisme, agama tentang kepercayaan bahawa Tuhan adalah Esa, agama yang dibawa oleh Nabi Ibrahim yang dipanggil *din al-hanif*, ‘agama yang lurus’ itu, telah secara berterusan, sepanjang sejarah, harus berjuang melawan agama yang menafikan terdapat Satu Tuhan atau percaya bahawa tiada Tuhan (*kufir*, *kafir*, *mulhid*) atau terhadap agama yang mempercayai bahawa terdapat banyak tuhan (*shirk*, politeisme, multiteisme), yang terakhir disebut telah bercabang ke dalam keberhalaan.

Berbeza dengan beberapa fahaman sosialis yang menarik garis agama sebagai pendukung perpecahan kelas dan bukan agama yang mengatasi perpecahan ini. Ali Syariati menempatkan garis pemisah dalam agama itu sendiri. Dari sudut pandangnya, dengan demikian bukan agama itu sendiri yang perlu ditolak sebagai ‘candu rakyat,’ tetapi itu hanya satu jenis agama, sementara ‘agama sebagai legitimasi,’ adalah benar tetap.

Agama vs Agama yang diterjemahkan daripada syaranan Shariati buat pertama kalinya dalam bahasa Inggeris oleh Laleh Bakhtiar, membangkitkan kesedaran agama. Ali Shariati, dalam caranya jelas menggariskan dan menunjukkan tanda yang membezakan agama yang diikuti dari ilahi yang dimanifestasikan sepanjang sejarah dalam fungsi-kependetaan, hak dan batil serta agama yang berasal dari ilahi dan fungsi kenabiannya dalam membezakan antara hak dan batil kemudian menyeru umat kepada tindakan. Ia merumuskan agama yang mengilhamkan tindak sosial yang berkesan, universal dan humanis. Dalam tamsilannya tentang pergelutan antara haq dan batil, Shariati melukiskannya secara simbolik dari ritual lontaran tiga *jamrah* - yang melambangkan upacara simbolik dalam penentangan dan penolakan terhadap tiga jenis berhala dunia iaitu Fir'aun yang melambangkan kezaliman dan penindasan, Bal'am yang menjadi lambang hipokrasi dan Qarun yang melambangkan kapitalisme – yakni penentangan terhadap “triniti sosial”, dari penindasan Fir'aun (kuasa), Bal'am (agama), dan Qarun (harta) yang disebut dalam al-Qur'an dan kebobrokan Qabil. Syariati menjelaskan kepentingan melempari berhala-berhala ini dengan tujuh batu, tujuh kali, yang melambangkan jumlah hari penciptaan, tujuh syurga dan tujuh hari dalam seminggu. Hal ini memberikan

makna tersirat perjuangan abadi yang dimulai pada awal penciptaan dan berlanjut ke akhirat iaitu medan perang tanpa gencatan senjata dan tiada kompromi dengan berhala apa pun”.

2. Dialektika Agama

Dalam jalur fikiran yang tradisional, falsafah Islam konvensional lebih mendukung falsafah pembaharuan yang diketengahkan oleh Imam al-Ghazali dan Ibn Taimiyah daripada mengupas pemikiran Ali Shariati yang dianggap lebih menjernihkan perkembangan falsafah barat semata. Hidayat Nataatmadja dalam pengantaranya kepada buku *Pemikiran Islam (Al-Fikr al-Islam fi Tatawwurihi)* karya Muhammad Al-Bahiy:

“Kalaupun kita membaca karya-karya Ali Syariati segera kita lihat bahwa pemikiran-pemikirannya benar-benar mempunyai citra Barat, meskipun tentunya membawakan aspirasi Islam sebagaimana filosof-filosof Islam yang lain.” Tambahnya lagi: “Saya kira, seandainya Al-Bahiy membaca buku-buku karya Ali Syariati atau buku-buku saya, dia akan mengambil kesimpulan bahwa buku-buku itu bukan filsafat Islam. Tapi kiranya kaum Muslimin harus menyadari bahwa akan lebih banyak lagi orang-orang yang lebih mengerti karya-karya Ali Syariati daripada karya Al-Ghazali atau Ibnu Taimiyah.” (Hidayat Nataatmadja, 1985: 4).

Mungkin kerana itu, Ali Shariati tidak diketengahkan sebagai perintis dan pelopor falsafah tetapi diangkat sebagai pelopor ideologi (*the ideologist of revolt*) (Azra, 2002: 70) seperti Muhammad ibn Abdul Wahab dan Muhammad Abduh. Namun, dengan pemikiran dan pandangan yang berani, beliau telah menzahirkan dan menampilkan konsep-konsep sosiologi Islam yang segar serta menggariskan ideologi pemikiran fenomenal yang telah merintis kebangkitan sains dan falsafah malah melahirkan era baru dalam pemikiran Islam.

Pemikiran Ali Shariati sangat dipengaruhi oleh pembelajarannya tentang falsafah dan ideologi Barat. Karyanya tentang idea sosialis yang berpengaruh terhadap pemikiran melalui ideologi yang tergabung dari falsafah Hegel, Khomeini dan Marxis kemudian dirumuskan dalam bahasa agama dan proses sekularisasi. Konsekuensi dari analisis yang memberikan implikasi luas, tepat dengan gelaranya sebagai arkitek Revolusi Islam Iran. Usaha beliau menghubungkan dua kekuatan dunia sejak Perang Dunia Kedua iaitu ideologi sosialis dan fundamentalisme Islam. Garis yang ditarik Ali Shariati mengikat kedua gerakan ini bersama-sama iaitu Islam yang sejati dan sosialisme sejati dan sebaliknya.

3. Kritikan terhadap Marxisme

Kebijaksanaan konvensional tentang Revolusi Iran yang tercetus pada tahun 1979, sering melupakan sumbangan Ali Shariati sebagai pembawa ideologi utama revolusi tersebut. Ali Shariati membawa inspirasi daripada luar dan juga dari dalam Islam melalui sosiologi Barat terutamanya sosiologi Marxist selain dari teologi Muslim; dari ahli teoretik Dunia Ketiga – terutamanya Frantz Fanon – dan juga dari syuhada Shiah yang terawal. Malah, Shariati menumpukan hidupnya kepada usaha untuk menggabungkan sosialisme moden dengan Shia tradisional serta menyesuaikan teori revolucioner Marx, Fanon dan para pemikir Iran yang lain dengan persekitaran kontemporarinya di Iran (Ervand Abrahamian, 1982).

Persoalan yang ditanganinya meliputi bidang perhatian yang luas. Sebagai ahli sosiologi, beliau berminat dengan hubungan dialektik antara teori dan praktis, antara idea

dengan kekuatan sosial dan antara kesedaran serta kewujudan manusia. Beliau turut komited untuk memahami kelahiran, pertumbuhan birokrasi terutamanya agama-agama radikal. Sebagai wakil kaum tertindas (*mustad'afin*) beliau dituduh sebagai “Marxist Islam” yang membawa ideologi asing yang menyanggah doktrin yang telah mampan dari autoriti kelompok konservatif (Ervand Abrahamian, 1982).

Karya-karya Ali Shariati banyak dipengaruhi oleh ideologi politik Dunia Ketiga (*Third-worldism*) yang ditemuinya sebagai belajar di Paris iaitu idea bahawa revolusi dan perjuangan kelas akan menciptakan masyarakat yang adil tanpa kelas. Dalam bukunya *Marxism and other Western Fallacies: An Islamic Critique* (1996) Ali Shariati memberikan kritikan dan komentar terhadap tradisi dan falsafah Barat dan Timur secara keseluruhan. Ia menyorot fahaman kapitalisme, eksistensialisme dan Marxisme serta perbandingannya dengan idea spiritual-humanistik dan nilai moral dari pandangan agama bahkan esensi kemanusiaan yang maknawi. Penekanannya tertumpu pada akar Marxisme dalam materialisme, hal-ehwal produksi dan aspek-aspek penting lainnya dari agama, liberalisme borjuis dan eksistensialisme dan pertentangannya dengan Islam.

Beliau mengkritik ideologi Marxis yang dogmatik, mengikut kerangka dialektika materialisme yang menentang agama bagi mewujudkan agenda sosialisme dan komunisme serta ketidaksanggupan menyelami hal-hal mistik dan spiritual. Tafsirannya dimaknai oleh wawasan universal Islam yang menyanggah ortodoksi Marx (teori materialis-sejarah) dengan mendukung semangat progresif dan idea-idea sosialis beliau bagi menjawab kritikan sosial politik dalam konteks masyarakat seperti tanggapan manusia menjadi “binatang ekonomi” tanpa nilai-nilai moral yang mengikat. Beliau turut menghuraikan faham dan aliran yang timbul pada abad ke-19 dan 20 dari teori komunisme dan Marxisme-Leninisme yang menafikan dimensi kerohanian manusia, berasaskan konsep Islam tentang pembangunan dan pandangan sosioekonomi yang moden.

Ali Shariati mengkritik sistem ekonomi Iran terutama kepada dasar kebijakan yang mengizinkan golongan kapitalis dan orang kaya untuk memunggah kekayaan dan kemudian menyerahkan sisa sebagai pemberian kepada orang miskin. Beliau berhujah bahawa kebijakan harus digantikan dengan sistem sosial yang adil, berasaskan kebijakan ekonomi yang berbeza serta berasaskan sistem ekonomi Islam yang seharusnya tidak mengizinkan golongan kapitalis untuk mengumpul kekayaan (Dabashi, 2006).

Dalam masyarakat Iran moden, norma sosialnya menolak penindasan yang sering diakibatkan oleh sikap pemerintah yang pro-kapitalisme. Sebaliknya memperjuangkan ideologi Marhaenisme yang bersandarkan Marxis dan disesuaikan dengan budaya masyarakat Iran. Idea utama dalam pemikiran Ali Shariati yang dilontarkan dalam syarahannya pada tahun 1950, 60an dan 70an di Universiti Mashhad dan di *Husainiyah-I Irsyad*, Tehran. Ia tidak mempunyai berbeza daripada kajian kesebelas Marx tentang Feuerbach iaitu:

“Ahli falsafah hanya mentafsirkan dunia, dalam berbagai cara; poinnya adalah untuk mengubahnya” (Abed Kanaaneh, 2021).

Ali Shariati cuba mendasari hujahnya dengan kebanyakannya perkara di atas sebagai alat dan analisis Marxis. Justeru beliau cuba untuk menghubung jalankan (dan falsafah Barat lainnya) dengan Islam serta menekankan dasar metafizik dari pandangan dunia. Beliau merumuskan teori tauhid untuk bergabung antara Eksistensial-Marxisme dan Islam sebagai

ideologi aksi yang total dan pandangan dunia yang ia yakini, bukannya agama yang statik dari kaca mata ulama (Abed Kanaaneh, 2021).

Ali Shariati menekankan bahawa untuk menewaskan kapitalisme dan imperialisme, seseorang harus menjadi intelektual organik dan menarik masyarakat. Beliau mengajak mereka yang mendambakan perubahan untuk menegakkan ideologi sosialis, yang revolusioner yang akan membebaskan umat Islam bersama dengan bangsa manusia keseluruhannya. Ali Shariati mempertahankan bahawa kepercayaan Shahih harus diperbaharui dan diubah kepada agama revolusionari yang komprehensif (Abed Kanaaneh, 2021).

Dalam perbincangannya yang substantif tentang teologi pembebasan, Ali Shariati telah memberikan pencerahan yang bermakna tentang falsafah agama dan tafsir sosial di mana ia menafsirkan al-Qur'an dan Islam dalam pengertian moden dan sosialis dengan menggambarkan para nabi sebagai pemimpin kaum lemah dan tertindas di seluruh dunia. Penyorotannya tentang materialisme dialektik Marx dan dasar kapitalisme dinukil dari hujah klasik dan tradisi diskursifnya, seperti diungkapkan dalam bukunya *Islamology*:

"Tidaklah memadai untuk mengatakan kita harus kembali kepada Islam. Kita harus menetapkan Islam yang mana: Islam bernuansa Abu Dzarr atau Islamnya Marwan sang penguasa. Kedua-duanya dipanggil Islamik, tetapi terdapat perbezaan yang menyolok antara mereka. Yang satu adalah Islamnya para khalifah, istana dan pemerintah. Yang lain adalah Islamnya golongan marhaen, kaum tertindas dan orang miskin".

Kecenderungan Ali Shariati yang kuat dan kritiknya yang terus-menerus terhadap ketidaksetaraan kelas membuatnya menjadi pemikir sosialis dan berideologi kiri, di mana menurutnya:

"Tidak ada pembatas yang terlalu ketat di antara kedua kelompok lapisan bawah dengan lapisan atas. Komposisi masing-masing kelompok bisa berubah, betapapun kecilnya, tetapi interaksi di antara mereka tetap terjadi" (Azyumardi Azra, 2002).

Shariati malah menekankan bahawa Marxisme telah meminjam banyak prinsipnya daripada Islam dan bukan sebaliknya. Contohnya, beliau sering menunjukkan bahawa kezuhudan revolusionari bukan sesuatu yang Muslim moden belajar daripada Marxis bahkan 'Marxis-lah yang telah mempelajarinya dari Islam (Hamid Dabashi, 2006). Namun, baginya sosialisme adalah cara hidup. Ia kritis terhadap sosialisme negara yang menyembah ketokohan, pesta, negara dan mengusulkan "sosialisme humanis". Menurutnya legitimasi negara berasal dari rasional orang awam dan kehendak kolektif rakyat. Baginya, kebebasan dan keadilan sosial harus dilengkapi dengan pemahaman spiritual moden. Tritunggal kebebasan, kesetaraan dan spiritualnya merupakan sumbangan baru terhadap gagasan "kemodenan alternatif" dan wajah peradaban pasca-moden (Hamid Dabashi, 2006).

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa pemikiran Ali Shariati yang dikembangkannya terkait dengan ideologi Marxis dan falsafah Barat. Kritikan beliau terhadap aspek mistisisme dan spiritual Islam dari rangka pemikiran keagamaan berdasarkan pengetahuannya yang mendalam tentang falsafah serta dasar pemikiran mistisisme timur disulami dengan faham sains sosial Barat. Sebagai ahli falsafah dan aktivis Iran, pemikirannya banyak mencerminkan aspek revolusioner dan tradisi Islam serta pertentangannya dengan

Marxisme. Ini dirumuskan dalam konteks pembahasan tauhid dan konsep *religious-humanistic* yang diperkenalkannya bagi menegakkan kemurnian fahaman Islam dan kekuatan ideologi serta nilai kebudayaan dan peradaban. Warisan pemikiran beliau memberikan sumbangan kepada dekonstruksi pemikiran Marxis dan ideologi Barat yang materialistik.

Beliau berjaya mengembangkan pemikiran sosio-agama yang dinamik tentang politik yang berperlembagaan dan nilai-nilai spiritual, humanistik serta menolak bentuk-bentuk pengaruh materialisme yang buruk daripada pemikiran Marxis. Ali Shariati menegaskan cara ketiga antara dua ekstrem yang rosak, Marxisme-Stalinisme yang banyak dikagumi oleh para intelektual dan anak muda Iran bahkan kumpulan Islam konservatif yang difahami oleh kaum Mullah, di mana pemikiran Ali Shariati menemukan kesamaan dasar dengan reformisme kontemporer termasuk liberalisme Islam dan dominasi budaya serta semangat revolusionari yang berpengaruh dalam tradisi pemikiran. Wawasannya memiliki mesej untuk dunia Muslim kini dengan perkembangan masa dan nilai humanisme, dan moden dalam tradisi Timur dan Barat. Hasil kajian ini juga disarankan langkah pengembangan teori-teori dan falsafah yang praktis bahkan dirumuskan dari nilai-nilai spiritual dan kemanusiaan berdasarkan pandangan Ali Shariati dalam mengangkat kepentingan sosio-ekonomi umat dari dibelenggu oleh dasar kapitalis. Ini perlu dirumuskan dalam jangka lama bagi merealisasikan perubahan ekonomi sedia ada dan mengintegrasikan dalam lapangan kehidupan yang moden.

Rujukan

- Abed Kanaaneh. (2021). Ali Shari‘ati: Islamizing Socialism and Socializing Islam. *Left History: An Interdisciplinary Journal of Historical Inquiry and Debate* 24 (1), 45-64.
- Abrahamian, Ervand. (1982). Ali Shari‘ati: Ideologue of the Iranian. *MERIP Reports*, 102, 24-28.
- Abrahamian, Ervand. (1989). *Radical Islam: The Iranian Mojahedin*. London: I.B. Tauris.
- Ahmad Nabil Amir. (2012). Ali Shariati dan Idealisme Perjuangannya (Diakses pada April 8, 2012). <http://irfront.net/post/articles/articles-malay/ali-shariati-dan-idealisme-perjuangannya>.
- Ahmad Nabil Amir. (2017). Ali Shariati: Beberapa Tanggapan Tentang Agama dan Tradisi. <https://www.irfront.org/print/6016>.
- Ahmad Wahib. (1981). *Pergolakan Pemikiran Islam*. Jakarta: LP3ES.
- Azra, Azyumardi. (2002). Ali Syariati: Sejarah Masa Depan Umat dan Akar-Akar Ideologi Iran. Dlm. *Historiografi Islam Kontemporer: Wacana Aktualitas dan Aktor Sejarah*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Bayat, Mangol. (1992). *Iran's First Revolution: Shi'ism in the Constitutional Revolution 1905-1909*. England: Oxford University Press.
- Dabashi, Hamid. *Theology of Discontent: The Ideological Foundation of the Islamic Revolution in Iran*. New Brunswick and London: Transaction Publishers, 2006.
- Dabashi, Hamid. (2011). *Shi'ism: A Religion of Protest*. Cambridge: The Belknap Press.
- Liky Faizal, Abd. Qohar & Ali Abdul Wakhid. (2021). Telaah Pemikiran Ali Syariati tentang Pemerintahan Islam Kontemporer. *Jurnal Tapis: Teropong Aspirasi Politik Islam*, 17(1), 27-41.
- Malik Mohammad Tariq. (2013). Ali Shariati’s View of Islamic Modernity.” *The Dialogue*, vol. VIII, No. 3 (2013), 335-345.
- Muhammad Adress Prawira Negara, Muhlas. (2023). Prinsip-Prinsip Humanisme Menurut Ali Syari‘ati. *Jurnal Riset Agama*, 3 (2), 357-371.
- Muhammad al-Bahiy. (1985). *Pemikiran Islam*. Terj. oleh Bambang Saiful Ma‘arif, pengantar Hidayat Nataatmadja. Bandung: Risalah Bandung.

- Norfarahani Rosman & Mohd Shaukhi Mohd Radzi. (2020). Ali Syarīatī: Pemikiran dan Gagasannya tentang Konsep Rausyanfikir. *Jurnal Borneo Arkhaialogia*, 5(1), 27-43.
- Norfarahani Rosman. (2023). Konsep Keterasingan Budaya Menurut Frantz Fanon dan Ali Shariati di Algeria dan Iran (1954-1977). (Disertasi Sarjana), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah.
- Rahman, Fazlur. (2010). *Islam*. Terj. Ahsin Mohammad. Bandung: Penerbit Pustaka.
- Shariati, Ali. (1982). *Tentang Sosiologi Islam*. Terj. Saifullah Mahyudin. Yogyakarta: Ananda.
- Shariati, Ali. (1986). *What is to be Done: The Enlightened Thinkers and an Islamic Renaissance*. Farhang Rajee (pnyt.). Texas: Institute for Research and Islamic Studies.
- Shariati, Ali. (1977). *Hajj*. Terj. Behzadnia & Denny. Ohio: Free Islamic Literatures Inc.
- Shariati, Ali. (1979). *On The Sociology Of Islam*. Terj. Algar, H. Berkeley: Mizan Press.
- Shariati, Ali. (1991). Ali Khamene'i. *Iqbal, Manifestation of the Islamic Spirit: Two Contemporary Muslim Views*. Terj. Mahliqa Qara'i dan Laleh Bakhtiar. Canada: Open Press.
- Shariati, Ali. (1992). *Humanisme antara Islam dan Mazhab Barat*. Terj. Afif Muhammad. Bandung: Pustaka Hidayah.
- Shariati, Ali. (1993). *Religion vs Religion*. USA, Chicago: Kazi Publication.
- Shariati, Ali. (1996). *Kritik Islam atas Marxisme dan Sesat-Pikir Barat Lainnya*. Terj. Husni Anis al-Habsyi, pengantar M. Dawam Rahardjo. Bandung: Mizan.
- Shariati, Ali. *Haji*. (2000). Terj. Anas Mahyuddin. Bandung: Pustaka Bandung.
- Shariati, Ali. (2001). *Paradigma Kaum Tertindas: Sebuah Kajian Sosiologi Islam*. Terj. Saifullah Mahyudin & Husen Hashem. Pengantar Hamid Algar. Jakarta: AL-HUDA.
- Saifullah. (2002). Tauhid, Imamah dan Peradaban Barat: Menelusuri Pemikiran Ali Syariati. *Jurnal Ushuluddin*, 2, 70-71.
- Siti Syamsiyatul Ummah. (2020). Teologi Pembebasan Ali Syari'ati (Kajian Humanisme dalam Islam). *Ishlah: Jurnal Ilmu Ushuluddin, Adab dan Dakwah*, 2 (2), 179-202.